



## KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

**f** : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

**Presiden**

**Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak**

**Setiausaha Agung**

**Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**

## KENYATAAN AKHBAR

**Kepada :** **Ketua Pengarang  
Semua Akhbar dan Media Tempatan**

**Daripada :** **Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK  
Setiausaha Agung NUTP**

**No. H/P :** **012-6358065**

**Tarikh :** **12 Mei 2018**

### UCAPAN TAHNIAH ATAS PERLANTIKAN PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG KE -7

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (KPPK/NUTP) mewakili seramai 200,000 ahli ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad di atas perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke – 7 pada 10 Mei 2018.

Pihak NUTP akan sentiasa memberi sokongan padu kepada YAB Tun untuk memimpin dan menyatupadukan rakyat agar negara lebih aman, stabil, makmur dan membolehkan negara untuk terus berkembang maju. Dalam kesempatan ini juga, pihak NUTP ingin menzahirkan setinggi penghargaan atas jasa bakti Yang Amat Berbahagia Tun kerana sentiasa bersama-sama dalam memartabatkan profesion keguruan dan pendidikan di Malaysia.

Pihak NUTP juga berharap agar bidang pendidikan terus menjadi agenda utama dalam pembangunan negara dibawah kepimpinan Yang Amat Berbahagia Tun kelak. Justeru, pihak NUTP berhasrat agar beberapa perkara dalam sektor pendidikan dapat dititik beratkan dan diantaranya adalah:

- i. Guru dapat diberi peluang untuk menjaga 'face time' atau masa bersama murid dengan mengurangkan kerja-kerja perkeranian yang mana telah mengganggu proses 'face time' tersebut.

...2/



**KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA**  
**(National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)**

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

**f** : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

**Presiden**

**Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak**

**Setiausaha Agung**

**Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**

-2-

- ii. Mengadakan/ mengkaji semula dasar negara mengenai TVET agar mempunyai hala tuju yang lebih jelas
- iii. Memelihara maruah golongan pendidik sepertimana yang pernah dikecapi pada suatu ketika dahulu
- iv. Mewujudkan suasana/keadaan disiplin yang baik dikalangan murid-murid
- v. Penstrukturan semula Kementerian Pendidikan Malaysia

Pihak NUTP amat yakin dan percaya bahawa Yang Amat Berbahagia Tun mampu membawa Malaysia ke tahap yang lebih cemerlang dan disegani di seluruh dunia.

  
**HARRY TAN HUAT HOCK, PJK**  
**SETIAUSAHA AGUNG NUTP**